



PENGGUNAAN KAEDEAH TERJEMAHAN PER-KATA DALAM MENYAMPAIKAN MAKSUD AYAT-AYAT YANG MEMPUNYAI UNSUR HADHF AL-JUMLAH (ELIPSIS AYAT) DALAM SURAH YASIN

**[THE USE OF THE WORD TRANSLATION METHOD IN CONVEYING THE
MEANING OF THE VERSES WHICH HAVE THE ELEMENT OF HADHF AL-
JUMLAH (ELLIPSIS OF THE VERSE) IN SURAH YASIN]**

Mohamad Rofian Ismail, Mohamad Syukri Abdul Rahman &
Ahmad Redzaudin Ghazali

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Corresponding Author: *mohdrofian@kuis.edu.my*

Received: 6/1/2023

Accepted: 19/1/2023

Published: 31/3/2023

Abstrak

Kefahaman dalam Ilmu Balaghah akan memudahkan seseorang memahami maksud struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan terutama dalam memahami Al-Quran dan Hadis. Ciri istimewa yang terdapat dalam bahasa Arab ialah elipsis atau al-Hadhf atau diterjemahkan dalam bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Jika diteliti pada kitab-kitab bahasa, perbincangan tentang elipsis (al-Hadhf) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut al-Balaghah al-'Arabiyyah. Kajian ini bertujuan bagi mendedahkan penggunaan kaedah terjemahan unsur-unsur Hadhf dalam Al-Qur'an khususnya dalam surah Yaasin berdasarkan terjemahan per-kata dan untuk melihat kaedah terjemahan per-kata dalam menyampaikan maksud ayat yang mempunyai unsur Hadhf berdasarkan kajian teks. Dari sudut metodologi, kajian ini merupakan kajian jenis kualitatif. Ia adalah kaedah penyelidikan yang paling sesuai digunakan bagi mendapatkan satu mekanisme pemahaman ayat yang mempunyai unsur al-Hadhf dalam Surah Yaasin dalam Kitab Syamil Al-Quran terjemahan perkata terbitan PT Syamil Cipta Media Bandung. Manakala Teori Newmark (1988) digunakan bagi melihat jenis terjemahan yang diaplikasikan oleh penterjemah dalam menterjemah ayat-ayat yang mempunyai unsur Hadhf. Hasil Analisis Hadhf Jumlah surah Yaasin dalam Kitab Syamil Al-Quran terjemahan perkata menunjukkan penterjemah tidak berjaya menjelmakan unsur Hadhf Jumlah dalam 29 ayat surah Yaasin melainkan pada satu tempat sahaja iaitu pada ayat 59. Hadhf Jumlah ini adalah dari kategori Hadhf Jumlah Waahidah, jenis ayat Hikayatul al-Qaul.

Kata kunci: kaedah terjemahan perkata, hadhf jumlah, surah Yasin

Abstract

An understanding of Balaghah will make it easier for a person to understand the meaning of the verse structure and the style of language used, especially in understanding the Qur'an and Hadith. A special feature found in Arabic is ellipsis or al-Hadhf or simply translated in Malay as ellipsis or abortion. If researched on language books, the discussion about ellipsis (al-Hadhf) is included in the field of Arabic rhetoric or called al-Balaghah al-'Arabiyyah. This study aims to reveal the use of translation methods of Hadhf elements in the Al-Qur'an, especially in surah Yaasin based on word-by-word translation and to see the word-by-word translation method in conveying the meaning of verses that have Hadhf elements based on the study of the text. From a methodological point of view, this study is a qualitative study. It is the most appropriate research method to be used to obtain a mechanism for understanding verses that have the element of al-Hadhf in Surah Yaasin in Kitab Syamil Al-Quran translation of words published by PT Syamil Cipta Media Bandung. While Newmark's Theory (1988) is used to see the type of translation applied by translators in translating sentences that have Hadhf elements. The results of Hadhf Analysis of Surah Yaasin in the Syamil Book of Al-Quran word for word translation shows that the translator did not succeed in embodying the elements of Hadhf Jumlah in 29 verses of Surah Yaasin except in one place only, namely verse 59. This Hadhf Jumlah is from the category of Hadhf Jumlah Waahidah, type of Hikayatul verse al-Qaul.

Keywords: method of translation of words, hadhf jumlah, surah Yaasin

PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan bukan sekadar untuk dibaca tetapi harus dipelajari, dihayati dan diteladani. Perintah mentadabbur dalam al-Quran jelas mencakupi segala hal berkaitan al-Quran baik pada susunan bahasanya mahupun kandungannya, petunjuk-petunjuk mahupun mukjizatnya. Sekiranya mengabaikan amalan mentadabbur boleh menghilangkan maksud sebenar dan matlamat utama dari al-Quran dalam mendapatkan kebaikan yang tersirat mahupun tersurat (Zulkifli dan Yusoff, 2012). Oleh itu tidak dinafikan dalam usaha mentadabbur al-Quran, perlunya keseimbangan di antara membaca dan memahaminya dengan mendalam terutamanya dalam aspek kemukjizatan dan rahsia-rahsia al-Quran yang terkandung di sebalik ayat.

Perkataan Tadabbur suatu perkara yang sering disebut sebagai gesaan ketika membaca alQuran. Namun, pengertian dan kefahaman terhadap makna tadabbur tersebut kurang diperlakukan atau mungkin belum jelas pengertiannya. Menurut Nimah dan Hamzah (2019) makna tadabbur secara umum menurut percakapan Bahasa Arab menunjukkan tadabbur ialah memikirkan perkara di sebalik sesuatu. Proses ini berlaku melalui pemerhatian, berfikir terhadap hakikat sesuatu atau sebahagiannya, memerhatikan perkara disebaliknya. Berbeza dengan pandangan Ishaq dan Hamid (2021), definisi tadabbur menunjukkan perbuatan yang memerlukan kesungguhan dalam penelitian terhadap sesuatu perkara disebaliknya dan melalui proses yang berulang-ulang.

Hakikatnya tadabbur tidak mungkin berlaku tanpa kefahaman terhadap makna ayat. Proses memahami maksud tersirat dan memikirkan makna di sebalik tersurat ayat adalah suatu yang subjektif dan berbeza berdasarkan kapasiti keilmuan serta pengalaman seseorang. Menerusi keikhlasan niat dan ketulusan hubungan seseorang dengan Allah s.w.t menjadikan ia dapat memahami maksud ayat al-Quran secara mendalam dan menemui kebenaran wahyu Allah (Alias, Mokhtar, Othman, Muis dan Kamaruding, 2019). Signifikan Niat dalam Melaksanakan Penyelidikan Islam. *Jurnal Maw'izah*, 2(1), 1-13.). Justeru, amalan tadabbur amat dituntut bagi mereka yang membaca al-Quran kerana kebenaran yang dicari terdapat di situ. Proses tadabbur itulah membina penghayatan untuk memahami ayat al-Quran sehingga ke tahap yang mendalam.

Oleh yang demikian, seseorang yang mendalmi hal tersebut akan meningkatkan lagi keimanannya, memperoleh sifat yang khusyuk dan menguatkan lagi kedudukan al-Quran yang agung serta tidak mampu dirungkai oleh akal manusia tanpa tadabbur. Tambahan pula, bahasa yang dipilih oleh Allah SWT dalam menyampaikan wahyu adalah Bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam pembentukan sesuatu ayat, iaitu merujuk kepada aspek tatabahasa, retorika dan semantik. Di dalam al-Quran terdapat banyak kalimah yang datang dalam pelbagai bentuk dan jenis, sebahagiannya dibuang atau dikurangkan sesuatu huruf pada kalimah-kalimah tertentu dan sebahagiannya ditambah. Demikian juga yang ditulis dengan menukar sesuatu huruf itu kepada huruf yang lain dan terdapat juga kalimah yang ditulis dengan kaedah menyambung dan memisahkan tulisan pada huruf-huruf atau kalimah-kalimah yang tertentu termasuklah kalimah yang ditulis dengan cara bersambung pada sesuatu tempat tetapi ditulis dengan cara berpisah pada tempat yang lain (Pangilun, 2015).

Bertitik tolak daripada itu, penurunan al-Quran kepada manusia adalah sebagai panduan hidup dalam kehidupan. Maka, mereka perlu memahami dengan sebetulnya apa yang disampaikan agar dengan memahaminya ia akan dapat membantu manusia untuk beramal dengan kefahaman yang baik akan sesuatu perkara. Bagaimana mungkin manusia akan beramal dengan penuh khusyuk sekiranya mereka tidak dapat memahami dan meneliti setiap maksud yang disampaikan di dalam Al-Quran. Walaupun Allah s.w.t tidak menjadikan amalan tadabbur dikhususkan bagi suatu kaum, bahkan ia seruan atas semua manusia. Alawi (2018) dalam kajiannya menyatakan bahawa Ibn Qayyim menyebut hakikat membaca adalah meneliti makna, membenarkan semua yang datang daripadanya, mengerjakan yang diperintah dan menjauhi yang dilarang oleh al-Quran.

Para sahabat telah meneladani cara membaca al-Quran dengan mentadabbur dan mengamalkannya, sehingga ucapan dan perbuatan mereka mencerminkan hal tersebut. Mereka mengulang-ulang bacaan untuk merasai nikmat dan pengertian yang mendalam terhadap makna tersebut. Justeru, penghayatan sebegini tidak lagi dirasai oleh kebanyakkann pentadabbur al-Quran sehinggakan nilai tersebut semakin hilang dalam kalangan masyarakat kini, apabila bacaan al-Quran hanya sekadar mementingkan khatam tanpa disusuli kefahaman dan penghayatan dalam

kehidupan. Oleh itu, penulisan ini akan mendatangkan sebuah kupasan terhadap konsep tadabbur agar ia boleh dihayati dan diamalkan dalam kehidupan.

KAJIAN LITERATUR

Ummah dan Wafi (2017) dalam kajiannya menyebut Al-Quran adalah firman Allah yang tiada tandingannya, diturunkan kepada nabi Muhammad SAW penutup para nabi dan Rasul, dengan perantaraan malaikat Jibril a.s dan ditulis pada mushaf-mushaf, kemudian disampaikan kepada umat Islam secara mutawwatir. Terdapat pelbagai versi bacaan al-Quran pada zaman pemerintahan Uthman bin Affan iaitu pada tahun 25H. Kepelbagaiannya versi bacaan ini menyebabkan kebimbangan berlakunya pelbagai fitnah berkaitan al-Quran. Tambahan pula, hal ini juga sedikit sebanyak telah memberi kesan yang negatif kepada metod tafsir Al-Quran yang digunakan pada masa itu khususnya dalam mentafsirkan maksud ayat Al-Quran yang sebenarnya.

Metod mentafsir ayat-ayat Al-Quran datang dalam berbagai bentuk kerana ia merupakan salah satu saranan untuk mencapai satu maksud dari ayat Al-Quran yang ingin Allah sampaikan kepada umat Islam. Dalam kajian ini, tafsir Al-Quran tidak lepas dari menggunakan sesuatu metod iaitu suatu cara yang teratur untuk mencapai pemahaman yang benar tentang apa yang dimaksudkan Allah di dalam ayat Al-Quran yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Sekiranya seseorang mentafsir Al-Quran tanpa menggunakan apa-apa metod, ia akan membawa kepada kekeliruan makna kerana dia menggunakan fikiran semata-mata dalam proses pentafsiran. Tambahan pula, perkembangan dunia moden, berjalan begitu cepat selaras dengan pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan. Perkembangan ini akan melahirkan berbagai masalah yang lebih kritikal. Oleh kerana itu, usaha untuk memahami sesuatu penyampaian tafsir ayat Al-Quran amatlah diperlukan demi menyingkap banyak rahsia dan makna kalam Allah dengan sebenarnya.

Allah telah menurunkan Al-Quran dalam bahasa Arab tidak lain dan tidak bukan ialah untuk kita sama-sama berfikir tentang kehebatan mukjizat ini. Bahasa Arab mempunyai struktur dan sistem bahasa yang sangat istimewa. Antara ciri istimewa yang terdapat dalam Bahasa Arab ialah elipsis atau *al-Hadhf* atau diterjemahkan dalam Bahasa Melayu mudah sebagai elipsis atau pengguguran. Jika diteliti pada kitab-kitab bahasa, perbincangan tentang elipsis (*al-Hadhf*) termasuk dalam bidang retorik Arab atau disebut *al-Balaghah al- 'Arabiyyah*. Kajian ini ingin mengetahui secara mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur Hadhf al-Jumlah khususnya di dalam surah Yaasin berdasarkan Kitab Syamil Al-Quran terjemahan perkata terbitan PT Syamil cipta media Bandung. Penumpuan kajian ini terarah kepada pengenalpastian terhadap penggunaan kaedah terjemahan per-kata dalam menyampaikan maksud ayat yang mempunyai unsur al-Hadhf dalam Surah Yaasin. Turut berlaku juga proses analisis terjemahan unsur-unsur al-Hadhf di dalam surah Yaasin dalam kitab tersebut. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat adakah terdapat ketepatan makna terjemahan unsur al-Hadhf dalam terjemahan perkata surah Yaasin.

Berikut dipaparkan kajian-kajian lepas berkaitan pandangan ulamak tentang terjemahan perkata, isu-isu hazaf berdasarkan khilaf ulama, kajian-kajian lepas berkaitan terjemahan per-kata untuk membanding beza dengan kajian lepas dan kepentingan kajian dan yang terakhir ialah kaedah terjemahan perkata yang dihgunakan dalam tafsir-tafsir muktabar.

Definisi al-Hadhf

Definisi Operasional Kajian Secara umum, al-Hadhf ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, *tarkib* dan ayat dengan syarat terdapat dilalah (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Dalam konteks kajian ini al-Hadhf akan dihuraikan kepada satu bahagian sahaja iaitu Hadhf al-Kalimah khususnya al-Hadhf yang terdapat di dalam surah Yaasin.)

Abd. Rahman et al (2018) menyatakan *Al-Hadhf* atau dalam bahasa Melayu adalah elipsis merupakan satu uslub atau gaya bahasa yang melibatkan lafaz dan makna dalam sesuatu ayat. Perkataan *al-Hadhf* secara etimologinya berasal daripada perkataan حذف yang dapat diertikan sebagai penghapusan atau pengguguran. Secara terminologi, perkataan *al-Hadhf* dalam ilmu tatabahasa Arab bermakna pengguguran sesuatu aspek tatabahasa Arab. Manakala dari sudut ilmu Balaghah, *al-Hadhf* membawa maksud menjatuhkan atau menggugurkan sesuatu struktur bahasa sama ada banyak ataupun sedikit. Kewujudan *al-Hadhf* merujuk kepada pengguguran huruf atau lafaz atau ayat yang tidak akan merosakkan makna sesuatu ayat secara keseluruhannya dengan alasan-alasan tertentu. *Al-Hadhf* adalah salah satu daripada sejumlah besar kaedah dalam sistem tatabahasa Arab (Nasir, 2017).

Secara umum, *al-Hadhf* ialah pengguguran satu bahagian dalam ayat sama ada huruf, perkataan, *tarkib* dan ayat dengan syarat terdapat *dilalah* (petunjuk) yang menunjukkan terdapat elemen yang digugurkan dalam pertuturan atau penulisan (al-Samirra'iy, 1998). Tujuan yang dikaitkan dengan *al-Hadhf* ini mempunyai perkaitan rapat dengan ilmu retorik Arab. Antara tujuan penggunaan *al-Hadhf* adalah untuk menunjukkan perkara yang positif seperti meringkaskan, memberi peringatan, meringankan, memuliakan serta memberi maksud umum dalam pertuturan atau penulisan. Namun begitu, terdapat juga penggunaan *al-Hadhf* yang membawa maksud lain, iaitu untuk tujuan sindiran atau penghinaan (Abu Shadiy, 1992).

Terdapat beberapa pendapat yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* pada ayat khususnya ayat-ayat al-Quran. Pada era mutakhir ini, antara individu yang menghasilkan buku tentang *al-Hadhf* ialah Abu Shadiy (1992), al-Samirra'iy (1998) dan Fayyud (1998). Namun begitu, terdapat juga sarjana lain yang menolak kewujudan *al-hadhf* khususnya dalam al- Quran. Antara sarjana tersebut ialah Fadl Hasan 'Abbas (2010) yang menjelaskan pendiriannya terhadap *al-Hadhf* dalam bukunya, *Lata'if al-Mannan wa Rawa'i al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa al-Hadhf fi al-Qur'an*. Menurut Fadl Hasan 'Abbas, al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan dalam keadaan sempurna dan tidak terdapat sebarang pengguguran dalam al-Quran sama ada satu huruf, perkataan, *tarkib* mahupun ayat.

Menurut Tammam Hassan (1994) pula, apabila membicarakan Uslub *al-Hadhf*, ia tidak boleh difahami bahawa *al-Hadhf* hanya berlaku apabila salah satu unsur dalam ayat digugurkan, tetapi sebenarnya *al-Hadhf* merupakan satu uslub bahasa yang membezakan antara sistem atau kaedah bahasa dengan keperluan sesuatu ayat yang perlu bersesuaian dengan konteks tertentu. Oleh itu, ada kalanya sesuatu unsur bahasa itu dinyatakan dalam ayat dan ada kalanya digugurkan daripada ayat.

Penyelidikan ini memfokus kepada kefahaman unsur-unsur *al-Hadhf* dalam al-Quran khususnya dalam Surah Yaasin. Menurut Abd. Rahman et al (2018) huraian berkaitan ayat-ayat *al-Hadhf* dalam al-Quran adalah sepertimana yang telah disepakati oleh para mufassir dan sarjana yang bersetuju dengan kewujudan *al-Hadhf* dalam al-Quran. Penyelidikan ini turut menghuraikan empat kategori utama *al-Hadhf* dalam al-Quran. Kategori tersebut adalah seperti berikut:

- 1) *Hadhf al-Huruf* (Elipsis huruf)
- 2) *Hadhf al-Kalimah* (Elipsis perkataan)
- 3) *Hadhf al-Jumlah* (Elipsis ayat)
- 4) *Hadhf al-Tarkib* (Elipsis rangkaian ayat)

Selain itu, terdapat keterangan berhubung *Hadhf* dalam satu penulisan tesis Sarjana bertajuk *al-Tanbih al-`Atsyān `ala Mawrid al-Zam'an li Abi Husayn bin 'Ali bin Talhah al-Rajraji al-Syusyawi* yang wafat pada tahun 899H oleh Harisyah (2006), Fakulti Sastera dan Sains, Universiti al-Muraqqab, Libya. Dalam bab dua di bawah tajuk *al-Hadhf* penulis telah menukarkan teks daripada kitab *al-Tanbih al-`Atsyān* berkaitan *Hadhf* di samping itu, beliau turut membuat ulasan-ulasan berkaitan dengannya. Perkara yang diketengahkan oleh pengkaji ialah perkataan-perkataan yang ditulis dengan *Hadhf* di dalam al-Quran.

Kaedah Prosedur Terjemahan (Newmark, 1988)

Lubna Abd Rahman dan Nasimah Abdullah (2019) menjelaskan Newmark telah memperkenalkan dua jenis teori terjemahan iaitu terjemahan komunikatif dan terjemahan semantik. Terjemahan komunikatif ialah satu terjemahan yang mementingkan keberkesanan sesuatu terjemahan itu dalam memberi kesan terhadap pembaca sebagai mana teks asal memberi kesan kepada pembaca itu. Antara ciri-ciri terjemahan jenis ini ialah terjemahan yang dianggap sebagai berkurangan, lebih mementingkan fungsi, budaya bahasa terjemahan, pembaca, dan juga mesej yang ingin disampaikan.

Manakala terjemahan semantik pula ialah terjemahan yang lebih menekankan kepada makna teks asal supaya selari maknanya dengan teks bahasa sasaran dan tidak menyalahi struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua itu. Antara ciri-cirinya pula ialah terjemahan yang dikatakan terjemahan berlebihan, mementingkan penulis bahasa asal, makna dan maklumat yang banyak. Namun begitu, Newmark

mengatakan bahawa kedua-dua jenis terjemahan itu tidak semestinya digunakan untuk jenis-jenis teks asal yang tertentu sahaja. Kedua-duanya tiada kaedah yang tetap untuk ditentukan penggunaannya.

Malah, Newmark turut mengatakan bahawa terdapat pertindihan di antara kedua-dua kaedah tersebut. Jadi, kedua-dua kaedah penterjemahan itu digunakan mengikut kesesuaian kajian ini. Secara lebih terperinci, kajian ini memfokuskan kepada ciri-ciri utama bagi setiap jenis pendekatan terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark itu dalam mencari ketepatan makna terjemahan. Ciri-ciri itu ialah terjemahan secara berkurangan dan terjemahan secara berlebihan. Menurut Newmark, terjemahan berkurangan ialah terjemahan yang menggunakan perkataan yang lebih umum atau menyeluruh dalam bahasa sasaran. Manakala terjemahan berlebihan pula ialah terjemahan yang menggunakan perkataan yang lebih mendalam maksudnya dan bersifat rumit.

Berdasarkan daripada kajian literasi dapat disimpulkan bahawa kefahaman dalam ilmu Balaghah adalah amat penting untuk memahami struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan untuk memahami unsur *Hadhf* terutama pada para pencipta Al-Quran dalam mendalami maksud yang sebenarnya.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Kaedah penyelidikan yang paling sesuai digunakan bagi mendapatkan satu mekanisme pemahaman ayat yang mempunyai unsur *Hadhf* dalam Surah Yaasin dalam Kitab Syamil Al-Quran terjemahan perkata terbitan PT Syamil Cipta Media Bandung. Ini kerana ia memerlukan penelitian menyeluruh daripada data-data yang dikumpulkan seterusnya akan dianalisis sehingga menjawab objektif yang dikehendaki dan bersesuaian dengan konsep yang dikaji.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik metod penentuan subjek, pengumpulan data dan analisis data. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan mushaf al-Quran, kitab-kitab tafsir muktabar, kitab-kitab yang berkaitan dengan Rasm al-Quran dan ‘Ulum al-Quran serta bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Kesemua data tersebut dikaji secara perbandingan menggunakan metod tafsir mawdu’i bagi menganalisis makna kalimah yang dijadikan sampel. Selain itu, metod *Tafsir bi al-Ra’yi al-Maqbul* juga digunakan bagi menguatkan hujah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Penggunaan metod ini bertujuan untuk memperolehi maklumat yang tulen dari sumber-sumber yang premier bagi menjelaskan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam melihat pentafsiran para mufassir menerangkan kemukjizatan yang terdapat di dalam al-Quran.

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data menggunakan kaedah analisis dokumen. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapatkan data melalui analisis yang dilakukan oleh para pengkaji secara persampelan bertujuan (purposive sampling). Dalam kajian ini maklumat berkaitan ayat-ayat yang

mempunyai unsur *Hadhf al-Jumlah* khususnya dalam surah Yaasin dicungkil secara mendalam.

Penganalisisan data merupakan proses memberi makna terhadap data-data yang diperolehi tanpa membuat analisis dalam bentuk nombor. Memandangkan kajian ini lebih mirip kepada analisis kandungan, pengkaji telah menggunakan kaedah tematik iaitu mengenalpasti unsur Hadhf Jumlah dalam surah Yaasin, seterusnya mengkategorikannya mengikut tema kajian iaitu, melihat kepada jenis ayat yang digugurkan, metod terjemahan yang digunakan dan ketepatan terjemahan berdasarkan teori Newmark 1988.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian korpus yang dijalankan pada surah Yaasin berdasarkan pandangan mufassirin menunjukkan terdapat 29 tempat unsur *Hadhf Jumlah* secara keseluruhan. Jadual 1 berikut memaparkan bilangan unsur Hadhf al-jumlah yang ditemui dalam surah Yaasin.

Jadual 1: Bilangan Tempat *Hadhf Al-Jumlah* Surah Yaasin

Bil	Kategori Hadhf Al-Jumlah	Jumlah
1	<i>Hadhf Jumlah Waahidah</i> (Elipsis 1 Ayat)	20
2	<i>Hadhf Jumlah Mut'aaddidah</i> (Elipsis Lebih dari 1 Ayat)	9
Jumlah Keseluruhan		29

Terdapat 29 Elipsis Ayat dalam surah Yaasin iaitu 20 ayat melibatkan Elipsis Satu Ayat dan 9 Ayat terdiri dari Elipsis Lebih dari Satu Ayat. Dari sudut jenis Ayat yang digugurkan ialah Ayat *Jumlah Syartiyah*, Ayat *Jumlah Istifhaamiyyah*, Ayat *Jumlah Sababiyyah*, Ayat *Hikayatul Qaul* dan Ayat *'Atafiyah*. Pengkaji mendapati Ayat *Jumlah Syartiyah* adalah antara jenis Ayat yang paling banyak digugurkan.

Analisis *Hadhf Jumlah* surah Yaasin dalam Kitab Syamil Al-Quran Terjemahan Perkata menunjukkan penterjemah tidak berjaya menjelmakan unsur *Hadhf Jumlah* dalam 29 ayat surah Yaasin melainkan pada satu tempat sahaja iaitu pada ayat 59. *Hadhf* Ayat ini adalah dari kategori *Hadhf Jumlah Waahidah*, jenis ayat *Hikayatul al-Qaul*. Penterjemah telah meletakkan terjemahan *Hadhf* Ayat ini pada nota kaki bukannya dalam terjemahan teks ayat.

Dapat diperhatikan juga bahawa terjemahan Kitab Syamil dari sudut penggunaan metod penterjemahan telah mengaplikasikan teori penterjemahan Semantik dan Komunikatif oleh Newmark (1988) dalam terjemahan ayat yang digugurkan. Hal ini dapat dilihat pada satu ayat iaitu Ayat 59 yang diterjemahkan menggunakan teori terjemahan Semantik, manakala yang selebihnya beliau

menggunakan teori terjemahan komunikatif iaitu sebanyak 28 ayat. Dari sudut ketepatan makna pula, penterjemah didapati hanya telah berjaya menghadirkan ketepatan makna ayat yang diterjemahkan pada ayat yang digugurkan dalam ayat 59, surah Yaasin iaitu Ayat *Hikayatul al-Qaul*. Manakala ketepatan makna ayat yang diterjemahkan pada ayat-ayat yang lain dalam surah Yaasin tidak berjaya dihadirkan oleh penterjemah. Pengkaji juga mendapati penterjemah telah mengaplikasikan teori terjemahan Semantik Newmark (1988) di bawah kategori terjemahan makna secara berlebihan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, manusia perlu memiliki ilmu untuk memahami wahyu Allah SWT serta menggunakan akal fikiran untuk memanfaatkan khazanah yang terdapat dalam al-Quran ini. Perlu dijelaskan bahawa Elipsis atau *al-Hadhf* ini tidak membawa pengertian bahawa al-Quran itu tidak sempurna. Sebaliknya, uslub atau gaya bahasa ini memberi gambaran bahawa al-Quran itu amat istimewa kerana kewujudan Elipsis (*al-Hadhf*) pada sesuatu ayat al-Quran membawa pengertian tertentu, yang kemudiannya dikaji dan ditafsir oleh para *mufassir*. Keadaan ini secara langsung membuktikan bahawa Elipsis (*al-Hadhf*) merupakan antara keistimewaan al-Quran dan bukannya kekurangan. Sesungguhnya, telah jelas bagi orang yang beriman bahawa al-Quran merupakan sebuah kitab yang sempurna dan tiada sebarang syak dan keraguan di dalamnya serta ia akan terus kekal terpelihara dalam pemeliharaan Allah SWT. Manakala keseluruhan hasil kajian pula menunjukkan Kefahaman ayat-ayat al-Quran memberikan sumbangan yang besar kepada para pencinta Al-Quran terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran khususnya berkaitan unsur-unsur *al-Hadhf*. Dalam penggunaan tafsir, perhatian perlu diberikan kerana penyelewengan ayat-ayat al-Quran pada zaman sekarang sangat mudah berlaku terutamanya disebabkan oleh kefahaman yang dangkal dalam mentafsirkan ayat-ayat berkenaan. Oleh itu, usaha memberi kefahaman dan ilmu perlu diutamakan bagi menjaga keaslian al-Quran itu sendiri.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim dan terjemahan.

_____. (2007). *Syamil al-Quran: Terjemahan Perkata*. Bandung: Syaamil Cipta Media.

Abd Rahman, M. S., Hussin, M. N. B., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., & Abidin, S. Z. (2018). Uslub al-Hadhf (Ellipsis) in Al-Quran. *International Journal*, 1(3), 60-78.

Abu Shadiy, Mustafa 'Abd al-Salam Muhammad. (1992). *al-Hadhf al-Balaghiy fi al-Qur'an al-Karim*. al-Qahirah: Maktabah al-Qur'an li al-Tab' wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Alawi, A.H.I. (2018). The Uslub of Tafsir al-Quran. *Journal of Islamicate Studies*, 1(1), 1-10.

- Alias, M.S., Mokthar, M.Z., Othman, K.B., Muis, A.M.R.A., & Kamaruding, M. (2019). Signifikan Niat dalam Melaksanakan Penyelidikan Islam. *Jurnal Maw'izah*, 2(1), 1-13.
- Fadl Hasan 'Abbas. (2010). *Lata'if al-Mannan wa Rawa'i al-Bayan fi Nafy al-Ziyadah wa al-Hadhfi al-Qur'an*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Fayyud, B.A. al-Fattah. (2015). *'Ilm al-Ma'ani: Dirasah Balaghiyah wa Naqdiyyah li Masail al-Ma'ani*. Mu'assasah al-Mukhtar.
- Harisyah, M. S. 2006. al-Tanbih al-Atsyah 'ala Mawrid al-Zam'an li Abi Husayn bin 'Ali bin Talhah al-Rajraji al-Syusyawi al-Mutawaffa Sanah 899 H, Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains, Universiti al-Muraqqab, Libya.
- Ishaq, Z., & Hamid, I. M. (2021). Konsep dan Metode Tadabbur dalam Al-Qur'an. *Ummul Qura: Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD) Lamongan*, 16(2), 132-141.
- Lubna Abd Rahman & Nasimah Abdullah. (2019). Pendekatan Semantik dalam Terjemahan Istiarah Qurani kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Penterjemah*. XXI(2), 134-153.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education."*. Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman & Saifulah Samsudin. (2018). Terjemahan Kinayah dalam Wacana al-Quran: Analisis Teori Semantik Newmark. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi (e-JPI)*, 5(2), 256-276.
- Nasir, M.S. (2017). Elipsis (al-Hadhf) dalam al-Quran sebagai Satu Petunjuk Ketinggian Bahasa Arab Kalamullah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 25, 159-179
- Nimah, S., & Hamzah, A. (2019). Perspektif al-Qur'an Tentang Tadabbur. *Jurnal al-Mubarak: Jurnal Kajian al-Qur'an dan Tafsir*, 4(1), 58-71.
- Pangilun, S. (2015). Khilaf Ulama' dalam Beramal al-Quran Rasm Uthmani: Suatu Sorotan. International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah.
- al-Samirra'iy, Fadil Salih. (1998). *al-Ta'bir al-Qur'aniy*. 'Amman: Dar 'Ammar.
- Tammam Hassan. (1994). *al-Lughah al-'Arabiyyah: Ma'naha wa Mabnaha*. al-Maghrib: Dar al-Thaqafah.
- Ummah, S. S. & Wafi, A. (2017). Metode-Metode Praktis dan Efektif dalam Mengajar al-Quran bagi Anak Usia Dini. *Annual Conference on Islamic Early Childhood Education (ACIECE)*.
- Zulkifli, N.Z.M.S. & Yusoff, M. (2012). Konsep Tadabbur: Suatu Kupasan. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.